

UMP hasilkan sanitizer daun sireh

Mampu elak masalah kulit merengsa kerana dihasilkan daripada tumbuhan semula jadi

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN - Sekumpulan penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan cecair pembunuh kuman atau sanitizer daripada daun sireh.

Penyelidik yang diketuai, Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan UMP, Datin Prof Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim berkata, produk itu dinamakan *Germs Free Hand Sanitizer* itu berbeza dengan cecair pembunuh kuman sedia ada di pasaran kerana ia dapat mengelak masalah kulit merengsa akibat penggunaan etanol iaitu bahan kimia alkohol yang asasnya daripada petroleum.

Katanya, usaha menghasilkan inovasi dan penyelidikan ini dijalankan sejak 2008 apabila pihaknya mahu mencari formula khas yang boleh menjadi anti sep-

INFO

- Inovasi dan penyelidikan dijalankan sejak 2008

tit untuk digunakan dalam kehidupan sehari-hari.

"Pada mulanya kami menggunakan daun bina-hong dalam menghasilkan produk seperti sabun dan krim, namun dianggap kurang berjaya kerana tidak kelebihan menarik yang mungkin menyebabkan ia sukar untuk dipasarkan.

"Kami kemudian jalankan penyelidikan lanjutan bagi menghasilkan produk anti septik mampu dipasarkan dan akhirnya berjaya membangunkan inovasi sa-



Dr Mimi Sakinah menunjukkan mesin pengadun cecair sanitizer di UMP Gambang di sini.

nya ketika ditemui di UMP Kampus Gambang, di sini.

Beliau memaklumkan bahawa inovasi berkenaan sudah diuji di Makmal Bioserasi dan Klinik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi memastikan produk ini selamat digunakan.

Jelasnya, sanitizer yang

dihasilkan digunakan secara dalaman di UMP serta sebuah hospital swasta untuk mendapatkan maklum balas.

"Setakat ini ia tidak memberi sebarang kesan negatif dan ramai memberikan maklum balas positif antaranya kulit pemakai lembap apabila memakainya, tidak merengsa



Cecair sanitizer hasil kajian sekumpulan penyelidik diketuai, Dr Mimi Sakinah.

seperti produk lain.

"Pada masa ini kita sedang melakukan penyelidikan lanjutan bagi mempelbagaikan perasanya kerana setakat ini hanya ada perasa lemon, ada juga permintaan supaya ia tidak di campur dengan perisa bagi kegunaan jemaah haji," katanya.